

MENILAI KEBERKESANAN GAJI MINIMUM

11/5/2016
Oleh MOHD. YUSOF SAARI

SAMBUTAN Hari Buruh pada 1 Mei 2012 memberi khabar gembira kepada seluruh pekerja di Malaysia kerana buat pertama kalinya dasar gaji minimum diperkenalkan di Malaysia oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 30 April 2012.

Gaji minimum hanya terpakai untuk gaji pokok sahaja dengan kadar bulanan ditetapkan sebanyak RM900 di Semenanjung Malaysia dan RM800 di Sabah, Sarawak dan Labuan. Pada 1 Mei 2016 adalah genap 4 tahun pelaksanaannya di Malaysia.

Di Malaysia, pelaksanaan gaji minimum diperlukan kerana peratusan pendapatan buruh kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bukan sahaja rendah malah meningkat dengan kadar yang sangat perlahan. Di antara tahun 2010 dan 2012, peratusan pendapatan buruh kepada KDNK hanya meningkat sebanyak 1% daripada 33% kepada 34%.

Wujud *prima-facie* kepada keperluan dasar gaji minimum. Namun, bagaimana pula dengan keberkesaan pelaksanaannya setelah empat tahun diperkenalkan? Amanal dasar ini di negara-negara lain telah menunjukkan ianya menjadi alat pengagihan semula pendapatan negara yang efektif.

Analisis dapatan daripada Tinjauan Pendapatan Isi Rumah (HIS) di antara tahun 2012 dan 2014 boleh dijadikan kayu ukur kepada keberkesaan pelaksanaannya di Malaysia. Data HIS yang terkini ialah pada tahun rujukan 2014 dan secara saintifiknya masih relevan untuk menggambarkan kedudukan pendapatan isi rumah tahun 2015.

HIS memperinci punca pendapatan isi rumah kepada empat sumber, iaitu pendapatan daripada pekerjaan bergaji, bekerja sendiri, pendapatan harta dan pelaburan, dan pindahan semasa (termasuklah BR1M).

Di antara keempat-empat sumber tersebut, pendapatan pekerjaan bergaji menjadi pemboleh ubah sasaran kepada penilaian dasar gaji minimum. Hal ini kerana kadar gaji



DASAR gaji minimum juga bertujuan menggalakkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.
- GAMBAR HIASAN

Kajian kepatuhan dan keberkesaan pelaksanaan gaji minimum sangat penting kerana negara menyasarkan peratusan pendapatan buruh kepada KDNK sebanyak 40 peratus menjelang 2020.”

pokok terkandung di dalam komponen pekerjaan bergaji.

Mengikut laporan HIS yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, di antara tahun 2012 dan 2014 peratusan pendapatan bergaji telah menyusut sebanyak dua peratus daripada 67 peratus kepada 65 peratus.

Pendapatan daripada bekerja sendiri turut menunjukkan penyusutan sebanyak satu peratus daripada 17 peratus kepada 16 peratus.

Sebaliknya, peratusan pendapatan daripada harta dan pelaburan, dan pindahan semasa masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak satu peratus dan dua peratus.

Berdasarkan analisis laporan HIS

tersebut, ternyata dasar gaji minimum seolah-olah tidak memberi apa-apa kesan yang signifikan kepada pengagihan pendapatan negara.

Jika pelaksanaannya berkesan, kita akan dapat peratusan pendapatan bergaji kepada jumlah pendapatan isi rumah akan meningkat di antara tahun 2012 dan 2014.

Data peratusan pendapatan buruh kepada KDNK juga menunjukkan tren yang sama sebelum pelaksanaan gaji minimum, meningkat hanya satu peratus daripada 34 peratus kepada 35 peratus di antara tahun 2012 dan 2014.

Di dalam Bajet 2016, kerajaan telah mencadangkan agar kadar bulanan gaji minimum dinaikkan kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Penguatkuasaan kadar gaji minimum baharu ini dicadangkan pada 1 Julai 2016. Sebelum kadar baharu ini dilaksanakan adalah wajar bagi pihak bertanggungjawab untuk melaksanakan kajian khusus ke atas kepatuhan firma kepada dasar ini dan keberkesanannya kepada pengagihan pendapatan.

Kajian kepatuhan dan keberkesaan pelaksanaan gaji minimum sangat penting kerana negara menyasarkan peratusan pendapatan buruh kepada KDNK sebanyak 40 peratus menjelang 2020. Di sam-

ping itu, dasar gaji minimum juga bertujuan menggalakkan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing.

Jika bersandar kepada tren semasa, sasaran 40% tersebut adalah sukar untuk dicapai. Begitu juga, adalah sukar untuk membuat kesimpulan pengaruh gaji minimum ke atas produktiviti dan kebergantungan kepada buruh asing.

Berdasarkan dapatan kajian di negara-negara lain dan kajian oleh penulis sendiri, beberapa perkara berikut boleh dijadikan pertimbangan oleh penggubal dasar. Pertama, keberkesaan dasar Gaji Minimum bergantung sepenuhnya kepada kepatuhan firma ke atas perintah tersebut.

Kedua, dasar gaji minimum berpotensi memberi impak negatif kepada agihan pendapatan, kemiskinan dan pengangguran akibat tekanan kos pengeluaran dan inflasi. Ketiga, kebolehupayaan dasar gaji minimum di dalam pengagihan semula pendapatan terbatas kerana dasar tersebut hanya mempengaruhi buruh di sektor formal sahaja. Di Malaysia, sebahagian besar buruh terutamanya di luar bandar bekerja di sektor tidak formal.